

PERANAN ANDA

- Jika anda menemui kandungan dalam talian yang dipercayai berbahaya, anda berhak untuk membuat laporan.
- ONSA menetapkan satu proses yang jelas bagi memastikan setiap laporan dikendalikan dengan cepat dan adil.

PERUNDANGAN & REGULATORI

- <https://mcmc.gov.my/ms/onsa/regulatory-legal>

MANFAAT KEPADA RAKYAT

- Internet lebih selamat untuk semua.
- Perlindungan lebih kukuh untuk kanak-kanak dan keluarga.
- Platform media sosial lebih bertanggungjawab.
- Keyakinan awam terhadap keselamatan digital diperkukuh.

Dengan ONSA, Malaysia melangkah ke hadapan dan memperkukuhkan komitmen dalam melindungi rakyat daripada ancaman digital.

SUMBER:

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

BERNAMA

TERBITAN:



Jabatan Penerangan Malaysia, Sarawak

Sila imbas Kod QR atau layari

<https://dbook.penerangan.gov.my/>



Untuk mendapatkan pelbagai Koleksi Bahan Penerbitan Digital.



AKTA KESELAMATAN DALAM TALIAN 2025

Online Safety Act

ONSA

(Menjadikan Internet Lebih Selamat Untuk Kanak-Kanak Dan Keluarga)

APAKAH ITU ONSA?

- **UNDANG-UNDANG BAHARU** yang bertujuan meningkatkan keselamatan pengguna dalam talian dengan mewujudkan persekitaran internet dan memperkukuh keselamatan digital yang lebih selamat di Malaysia.
- Diluluskan Disember 2024, diwartakan Mei 2025 dan dikuat kuasa pada 1 Januari 2026.
- Penguatkuasaan ONSA dilaksanakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).
- Memperkenalkan dan memperkasa platform digital kepada tanggungjawab yang lebih jelas ke atas pemberi perkhidmatan pesanan Internet dan media sosial yang dilesenkan di Malaysia.
- Fokus untuk melindungi pengguna, khususnya kanak-kanak, keluarga dan pengguna daripada ancaman siber, kandungan berbahaya dan memudaratkan dalam talian.

SIAPA YANG TERLIBAT?

Pemberi Perkhidmatan Berlesen di bawah Akta Komunikasi & Multimedia 1998:

- Pemberi Perkhidmatan Aplikasi (Application Service Provider (ASP))
- Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan (Content Application Service Provider (CASP))
- Pemberi Perkhidmatan Rangkaian (Network Service Providers (NSP))

Tidak terpakai kepada pengguna individu.

MENGAPA ONSA DIPERKENALKAN?

- Melindungi rakyat daripada eksploitasi seksual kanak-kanak, penipuan dalam talian, buli siber dan kandungan ekstremisme.
- Membina keyakinan awam terhadap keselamatan Internet.
- Memastikan platform digital pemberi perkhidmatan mengambil tindakan pantas terhadap kandungan berbahaya.



TANGGUNGJAWAB PEMBERI PERKHIDMATAN

- Menyediakan alat keselamatan dalam talian (tetapan privasi, kawalan interaksi).
- Mengeluarkan garis panduan keselamatan untuk pengguna.
- Memudahkan pelaporan kandungan memudaratkan.
- Menyediakan Pelan Keselamatan Dalam Talian.
- NSP wajib memberi kerjasama teknikal semasa siasatan.



**KESELAMATAN DALAM TALIAN,
TANGGUNGJAWAB BERSAMA.**

APA ITU KANDUNGAN MEMUDARATKAN?

KANDUNGAN MEMUDARATKAN

Bahan Penganiayaan Seksual Kanak-kanak (CSAM)

Kandungan Penganiayaan seksual kanak-kanak.

Fraud Kewangan dan Scam

Kandungan yang memperdaya pengguna demi keuntungan kewangan yang menyalahi undang-undang.

Lucah atau jijik

Kandungan yang menyinggung adab kesopanan dan kehormatan seseorang.

Sumbang atau tidak senonoh

Kandungan yang bertentangan dengan kelakuan atau budaya yang diterima umum.

Berbentuk gangguan atau menghinia

Kandungan yang menyebabkan gangguan, *distress*, ketakutan atau kebimbangan melalui perkataan atau komunikasi.

Keganasan atau terorisme

Kandungan yang boleh mengapi-apikan keganasan atau terorisme.

Kemudaratan kepada diri sendiri

Kandungan yang mendorong kanak-kanak untuk menyebabkan kemudaratan kepada dirinya.

Hasutan jahat atau permusuhan

Kandungan yang boleh menimbulkan permusuhan atau mengganggu ketenteraman awam.

Penjualan dadah berbahaya

Kandungan yang menggalakkan penggunaan atau penjualan dadah berbahaya.